

08/11/2001

Asean sebagai kuasa baru ekonomi dunia

Lichong Angkui

KETUA-KETUA kerajaan 10 negara anggota Asean meninggalkan Bandar Seri Begawan kelmarin dengan membawa pulang komitmen baru menjadikan rantau ini terus stabil, maju dan makmur.

Mereka menamatkan Sidang Kemuncak Asean Ke-7 di ibu kota Brunei itu dengan azam mempertingkatkan dan memperkukuh kerjasama serantau meliputi semua bidang sambil memberi isyarat kepada dunia Asean punya integriti dan harga diri yang tidak boleh dipertingkatkan.

Dalam konteks lebih global, Asean menunjukkan kematangan untuk menjadi kuasa baru ekonomi dunia menerusi pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) Asean-China yang disepakati bersama dan penerimaan terhadap cadangan Malaysia mewujudkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Ini dicapai menerusi Sidang Kemuncak Asean Campur 3 (Asean+3) dan kemudian Asean Campur 1 (Asean+1) dengan tiga rakan dialog, China, Jepun dan Korea.

Empat hari bersidang di Brunei pada 3-6 November, dengan didahului Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) tentunya bukan sesuatu yang membosankan.

Malah, himpunan isu, topik dan agenda perbincangan yang begitu banyak menjadikan persidangan kali ini seperti kesuntukan masa saja berbanding Sidang Tidak Rasmi Asean di Singapura, setahun lalu.

Tentunya menjadi rekod baru apabila persidangan kali ini mengeluarkan dua deklarasasi berasingan, iaitu masing-masing mengenai keganasan dan masalah sosial, iaitu gejala HIV/Aids, selain dua Kenyataan Pengerusi pada Isnin dan Selasa lalu.

Sepanjang persidangan, Malaysia, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, nyata menjadi tumpuan dan mendapat perhatian berikutan pendirian lantang lagi konsisten berhubung kedua-dua agenda deklarasasi itu selain komitmen memperkukuh ekonomi Asia Timur.

Nyata sekali, Perdana Menteri tidak sendirian berhubung isu berkembar yang mendominasi persidangan, iaitu memerangi keganasan dan memperteguh ekonomi.

Asean nyata cukup kukuh, pragmatik dan bersatu padu dalam mendepani isu membabitkan kepentingan bersama sekali pun tidak dapat dinafikan wujud perbezaan pandangan dalam isu tertentu yang mungkin berpunca daripada soal politik, domestik atau faktor geografi.

Asean kini mempunyai 10 anggota, bermula dengan enam negara asal +- Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura dan Brunei - yang kemudian disusuli Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.

Disebabkan perdebatan dunia kini tertumpu kepada serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya ke atas Afghanistan yang dikatakan bertujuan memerangi pengganas berikutan tragedi 11 September, maka Deklarasi Asean 2001 Mengenai Tindakan Bersama Memerangi Keganasan mendominasi cerita persidangan.

Dalam hal ini, Asean mempunyai nada yang sama untuk memperkukuh kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa memerangi keganasan secara komprehensif.

Walaupun dalam deklarasasi tidak disebutkan secara spesifik desakan agar dihentikan serangan ketenteraan AS dan sekutunya di bumi Afghanistan yang kononnya untuk memburu pengganas seperti cuba diketengahkan oleh Malaysia, setidak-tidaknya Asean berpendirian perlunya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan utama dalam memerangi keganasan.

Lebih penting, deklarasi itu dengan tegas menolak sebarang percubaan untuk mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama atau bangsa, sekali gus menepis tanggapan Barat kononnya serangan ke atas New York, Washington DC serta Pennsylvania 11 September lalu dan serangan balas AS ke atas Afghanistan, sebagai pertembungan dua tamadun.

Pendirian Asean ini adalah manifestasi kedewasaannya pada usia 34 tahun sejak ditubuhkan pada 1967, dalam menghadapi kemelut global.

Deklarasi tiga halaman itu menggariskan sembilan tindakan penting untuk dilaksana secara bersama, antaranya meningkatkan kerjasama di kalangan agensi penguat kuasa undang-undang menangani keganasan dan berkongsi amalan terbaik; dan mengkaji konvensyen antarabangsa berkaitan keganasan dengan tujuan mengintegrasikannya dengan mekanisme Asean menangani keganasan antarabangsa.

Ia juga bersetuju memperkukuh pertukaran maklumat atau perisikan untuk memudahkan aliran maklumat, terutama mengenai penganas dan kumpulan penganas, pergerakan mereka dan pembiayaan, serta lain-lain maklumat yang diperlukan untuk melindungi nyawa, harta dan keselamatan semua jenis perjalanan; serta bersedia membincang dan mencari idea lebih praktikal serta inisiatif untuk meningkatkan peranan Asean pada peringkat antarabangsa, termasuk dengan rakan antara wilayah dalam rangka kerja sedia ada seperti Asean+3, Rakan Dialog Asean dan Forum Serantau Asean (ARF), untuk menentukan usaha memerangi keganasan sebagai tindakan global.

Dalam hal ini, Malaysia dianggap berjaya dalam misi mengetengahkan isu keganasan apabila cadangan Dr Mahathir supaya diadakan seminar khusus mengenai keganasan pada peringkat serantau mendapat reaksi positif negara anggota Asean lain.

Perdana Menteri optimis menerusi seminar berkenaan, yang kemudiannya disusuli seminar peringkat antarabangsa, dapat mencari rumusan dan definisi terbaik mengenai keganasan dan sekali gus mengenal pasti akar-umbi kenapa keganasan terjadi.

Justeru, sekalipun saranan Malaysia agar dihentikan pengeboman ke atas Afghanistan masih tergantung dan tidak menjadi sebahagian intipati deklarasi berikutan perbezaan pandangan beberapa negara anggota, ia tidak bermakna sebagai satu kegagalan.

Perlu disedari bahawa Asean mengamalkan prinsip kesepakatan dalam membuat keputusan.

Dalam Kenyataan Pengerusi oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, selaku pengerusi sidang kemuncak kali ini dengan jelas menyebut pendirian Asean mengutuk semua bentuk keganasan, sambil bertitah ketua-ketua kerajaan Asean melahirkan perhatian serius terhadap kebajikan rakyat tidak berdosa yang menjadi mangsa serangan ketenteraan ke atas Afghanistan dan menimbang kemungkinan menghulurkan bantuan kemanusiaan.

Walaupun dalam nada bahasa yang diplomatik, pernyataan itu sesungguhnya membawa pengertian cukup besar.

Dr Mahathir, yang sentiasa mendesak AS menghentikan serangan ke atas Afghanistan, pula tiga kali menyatakan pendirian Malaysia pada persidangan di Brunei ini, iaitu sekali ketika jamuan makan malam kerja ketua-ketua kerajaan Asean pada Ahad dan mengulangnya dua kali pada keesokan harinya (Isnin).

"Sementara Malaysia dan Indonesia merasakan (serangan ke atas Afghanistan) perlu dihentikan, negara anggota lain tidak menyatakan pendirian kukuh mengenainya," katanya.

Dalam agenda sosial pula, khususnya mengenai gejala HIV/Aids, kejayaan Malaysia begitu terserlah apabila ia diterima sebagai satu deklarasi berasingan.

Deklarasi yang diperakukan atas inisiatif Malaysia itu memberi penekanan kepada tindakan bersama membanterasnya menerusi program di peringkat

nasional dan serantau.

Ia turut menyarankan penubuhan tabung kesihatan dan HIV/Aids global dan memastikan negara-negara rantau ini mendapat peluang sama rata terhadap kemudahan tabung berkenaan.

Sebenarnya, Malaysia sudah lama mengetengahkan topik berkenaan, termasuk di Singapura tahun lalu, lantaran ancaman penyakit itu kini mencapai tahap serius, membabitkan kira-kira 1.7 juta daripada 500 juta penduduk Asean.

Deklarasi itu turut merujuk Deklarasi Komitmen Mengenai HIV/Aids PBB pada Jun 2001 yang menuntut komitmen global memperkukuh penyelarasan usaha peringkat nasional, serantau dan antarabangsa memerangi HIV/Aids menerusi cara yang komprehensif.

Selain itu, ia turut menegaskan semula saranan Deklarasi Hanoi pada 1998 yang menyatakan pentingnya rakyat dijamin mendapat kemudahan perubatan manakala kerjasama wajar dipertingkatkan bagi mencegah penyakit berjangkit, termasuk HIV/Aids.

Ia juga komited merealisasikan usaha menjadikan Asean bebas dadah seperti diperakukan Deklarasi Bersama Untuk Asean Bebas Dadah pada Mesyuarat Menteri-menteri Asean ke-33 (Julai 2000) dan Deklarasi Politik Bangkok Ke Arah Asean Bebas Dadah 2015 (Oktober 2000).

Satu lagi kejayaan Sidang Kemuncak Asean ke-7 kali ini ialah penerimaan cadangan mewujudkan FTA Asean-China yang dijangka akan membawa kepada anjakan baru pembangunan ekonomi rantau Asia Timur.

Ia adalah suatu persetujuan bersejarah dan membawa signifikan paling bermakna kerana FTA Asean-China akan menjadi kawasan perdagangan terbesar dunia, meliputi pasaran 1.7 bilion penduduk.

Pada jangka panjang, persetujuan itu memungkinkan perubahan struktur ekonomi dunia yang ketika ini banyak bergantung kepada AS sebagai penggerak.

Seperti dijelaskan oleh Dr Mahathir, adalah sesuatu yang tidak begitu baik sekiranya Asean terus bergantung kepada AS kerana sebarang kejadian berlaku di negara itu akan membawa kesan langsung kepada rantau ini.

Justeru, selain memperkukuhkan kerjasama sesama negara anggota Asean, persetujuan juga dicapai kali ini untuk memperluaskan kerjasama dengan rantau Asia Timur, khususnya China dalam konteks FTA Asean-China.

Kini Asia Timur umpama harimau sedang bangkit dari tidurnya. Persetujuan ketua-ketua kerajaan Asean dan tiga rakan dialog - China, Jepun dan Korea - terhadap cadangan Malaysia bagi mewujudkan EAEG yang diilhamkan Dr Mahathir kira-kira 11 tahun lalu, meletakkan rantau ini pada posisi strategik untuk menjadi kawasan pertumbuhan baru.

Ini sekali gus menepis tanggapan liar kononnya Asean sebagai entiti tidak bermaya.

Kalau pun mungkin tidak sehebat Komuniti Eropah (EC) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta), EAEG setidak-tidaknya akan membolehkan rantau ini berdikari dalam erti kata sebenarnya.

Yang jelas, penerimaan terhadap cadangan penubuhan EAEG yang dulunya dikenali Perundingan Ekonomi Asia Timur adalah kejayaan besar bagi Malaysia selepas mengharungi bermacam-macam halangan.

Diilhamkan Dr Mahathir pada 1990, cadangan itu pernah dibantah oleh AS kerana dikhuatiri akan menjadi satu blok ekonomi.

Bagi Malaysia dan Dr Mahathir, persidangan di Brunei kali ini, tentulah meninggalkan kenangan manis kerana ia menyerlahkan kejayaan negara dalam ketiga-tiga bidang - keselamatan, ekonomi dan sosial.

Bagi Asean, Bandar Seri Begawan mengukir lembaran baru kerjasama serantau kerana perisytiharan yang dicapai adalah tapak kesepaduan gagasan rantau ini.

Asean tetap dan sentiasa relevan, malah kini lebih yakin menghadapi cabaran.

( END )